

14 APR 2003

Abdullah-Syria

MALAYSIA HARAP SYRIA TIDAK DISERANG AMERIKA

SHAH ALAM, 14 April (Bernama) -- Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Malaysia berharap Syria tidak akan diserang oleh Amerika Syarikat yang mendakwa negara Arab itu bersepakat dan menyembunyikan pemimpin-pemimpin kanan Iraq.

"Saya harap tak berlaku dan jika berlaku juga serangan ia akan jadi satu malapetaka," katanya mengulas soalan pemberita yang bertanyakan ura-ura Amerika menyerang Syria.

Beliau berkata dari awal lagi Syria tidak terlibat dengan tuduhan sebagai negara yang mempunyai senjata pemusnah yang boleh mengancam dunia dan sebagainya tetapi hanya alasan-alasan baru yang dikemukakan oleh Amerika yang menjadi masalah.

"Sebab itu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kalau begini caranya, tiada seorang pun bebas dan sekiranya dikaitkan dengan masalah-masalah yang boleh dianggap menyalahi kepentingan Amerika, mereka boleh diambil tindakan oleh Amerika," katanya.

Abdullah berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Pegawai-pegawai Daerah dan Pihak berkuasa Tempatan 2003 di sini, hari ini.

Ditanya mengenai Syria yang tidak termasuk dalam senarai negara 'paksi kejahatan' yang didakwa Amerika Syarikat, Abdullah berkata semua ini ditentukan Amerika sendiri.

"Amerika kata tak elok, tak eloklah, kata serang seranglah. Dia yang berkuasa tak ada siapa boleh larang lagi," katanya.

Malaysia masih berpegang teguh dan menghormati kedaulatan sesuatu negara di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kawasan pemerintahannya, kebebasan rakyat dan hak rakyat terhadap negaranya.

Kepada soalan lain, Abdullah berkata semua rakyat Malaysia yang cedera di Iraq akan dibawa ke Jordan supaya mereka boleh mendapat rawatan yang lebih baik memandangkan kemudahan perubatan yang tidak mencukupi di Iraq.

"Tapi keadaan amat susah (untuk membawa pulang rakyat Malaysia itu) tetapi jika kita dapat mengenal pasti dan tahu di mana mereka, kita akan bawa mereka ke Jordan dan itu satu langkah yang baik," katanya.

Beliau berkata kerajaan akan menggunakan kemudahan kedutaan Malaysia di Jordan untuk membawa mereka pulang di samping mendapatkan kerjasama mana-mana pihak yang boleh membantu.

Abdullah juga beranggapan tidak perlu untuk menghantar kumpulan atau agensi bantuan lain ke Iraq kerana banyak masalah yang akan timbul dari tempat yang sedia bermasalah.

Sabtu lepas konvoi sukarelawan daripada Persatuan Bantuan Perubatan (Mercy) diserang hendap oleh penduduk tempatan.

Dalam kejadian itu Presiden Mercy Datuk Dr Jemilah Mahmood dan Dr Baba Deani cedera dipungung akibat tembakan senjata api. Tiga wartawan Malaysia yang turut serta dalam konvoi itu ditahan dan dibawa ke tempat tertentu sebelum dibebaskan beberapa jam kemudian.

Anggota media terbabit ialah jurugambar New Straits Times Anuar Hashim, jurugambar RTM Omar Salleh dan ketua pemberita akhbar The Sun Terrence Fernandez

-- BERNAMA

SHS PR